

Ucapan YBhg. Prof. Datuk Dr. Kamaruzaman Hj Ampon, Naib Canselor UMS
di Majlis Perasmian BENGKEL PENULISAN ARTIKEL UMS
anjuran Bahagian Perhubungan Korporat, UMS

Bismillahir Rahmannir Rahim
Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh
Salam Sejahtera
Terimakasih Pengacara Majlis

Yang Berbahagia(Pegawai-Pegawai Utama)

Pengurusan Kanan Universiti,

Yang Berusaha Cik Norti Hj Sirin, Ketua Bahagian Perhubungan Korporat, merangkap
Pengerusi Penganjur Bengkel Penulisan Artikel UMS

Ahli-Ahli Jawatankuasa Bengkel

Penceramah Undangan dari SSS dan SJA

Para kakitangan, Para peserta

Saudara dan Saudari yang dihormati sekalian,

Terlebih dahulu saya mengucapkan setinggi-tinggi rasa syukur ke hadzrat Allah swt kerana dapat berkesempatan bersama-sama dengan saudara dan saudari sekalian di Bengkel Penulisan Artikel yang julung-julung kalinya diadakan selama dua hari dari 26 hingga 27 Jun 2008. Syabas saya ucapkan kepada Bahagian Perhubungan Korporat di bawah pimpinan saudari Norti yang mana telah menganjurkan Bengkel yang amat bermanfaat ini.

Penulisan artikel bukanlah suatu yang mandatori untuk kakitangan universiti melakukannya. Akan tetapi menerusi penulisan artikel ini, sebenarnya kakitangan universiti itu secara langsung mengetengahkan citra dan reputasi universiti yang mempunyai pengaruh dalam masyarakat. Justeru itu, melalui penulisan yang berbentuk kreatif mahu pun ilmiah, kakitangan secara langsung mempromosi peranan yang boleh menyumbang kepada kehidupan manusia setempat dan sejangkit. Sebagai contoh, penyelidikan-penyelidikan yang menumpukan kepada aspek penjagaan sumber alam, akan dapat mempengaruhi sikap masyarakat agar cintakan alam sekitar, yakni mempunyai perasaan menjaga keadaan alam sekitar agar tidak dicemari atau dimusnahkan sewenang-wenangnya. Sebagai institusi pengajian tinggi yang turut mengkhusus kepada usaha melestari alam sekitar, peranan universiti ini jika digarap menjadi karya yang baik dan menarik, pastinya akan memberi kesan kepada meningkatnya rasa prihatin masyarakat.

Selain masyarakat kampus itu sendiri, masyarakat umum juga merupakan pembaca segala bahan tulisan yang disalurkan melalui buletin dalaman atau akhbar. Pembaca merupakan pelanggan utama kepada seorang penulis. Sehubungan itu, beberapa kriteria mengenai penulisan yang baik perlu dikenalpasti. Ramuan kepada hasil penulisan yang

baik termasuklah, fakta yang hendak disampaikan, kesan dan pengaruhnya kepada pembaca atau masyarakat, dan isu semasa dan masa depan yang akan mengubah pemikiran dan perlakuan manusia. Disamping itu, hasil penulisan juga perlu disampaikan dengan teknik dan etika yang betul. Penulisan yang berbentuk kritis mungkin baik diketengahkan, tetapi kita juga perlu melihat kepada aspek sensitiviti masyarakat.

Saudara dan saudari yang dihormati sekalian,

Saya juga mengucapkan tahniah kepada para peserta Bengkel ini kerana menyedari akan pentingnya saudara dan saudari sekalian mengikuti Bengkel yang diadakan ini. Peranan saudara dan saudari di SPIU adalah tugas hakiki saudara dan saudari sekalian, tetapi dengan memperlihatkan keazaman untuk mengikuti Bengkel ini, saudara dan saudari sekalian telah menunjukkan satu komitmen untuk turut sama mengangkat citra dan reputasi universiti melalui hasil-hasil penulisan artikel yang akan diceburi kelak.

Bagi kalangan kakitangan bukan akademik, ambillah peluang menyertai Bengkel ini sebagai satu usaha untuk memantapkan minat dalam penulisan. Saudara dan saudari sekalian boleh mengasah ilmu yang terpendam selama ini dengan pengetahuan pentadbiran yang sama seperti seorang ahli akademik. Melalui sesi yang dijalankan, InsyaAllah saudara dan saudari sekalian akan dapat menghasilkan karya-karya penulisan artikel yang bermutu.

Saya difahamkan bahawa dalam Bengkel ini turut diadakan sesi pengenalan Teknik Asas dan Amali Fotografi. Dalam menghasilkan sebuah artikel yang menarik, aspek fotografi adalah penting kerana ianya boleh memperjelaskan lagi sesuatu cerita atau fakta yang hendak disampaikan. Sebenarnya lensa sebuah kamera itu merakam banyak peristiwa yang tersurat dan tersirat. Dan trend pembaca masakini adalah lebih tertarik untuk membaca artikel yang mempunyai gambar-gambar yang berkaitan.

Saudara dan saudari yang dihormati sekalian,

Universiti Malaysia Sabah sebagai universiti komprehensif akan terus fokus kepada penyelidikan melalui Pusat-Pusat Penyelidikan sedia ada. Saya percaya kakitangan universiti dengan kerjasama para penyelidik boleh menjadikan hasil-hasil penyelidikan sebagai sumber tulisan yang menjadi daya tarikan pembaca. Apa yang penting adalah agar hasil tulisan itu dapat disampaikan dalam bentuk dan bahasa yang mudah.

Pendekatan tersebut akan menarik minat masyarakat untuk membaca artikel-artikel yang dihasilkan. Akhirnya matlamat mendidik masyarakat menerusi penulisan akan dicapai. Akhir kata saya juga ingin mengucapkan terima kasih sekali lagi kepada pihak penganjur Bengkel Penulisan Artikel iaitu Bahagian Perhubungan Korporat atas inisiatif mengadakan Bengkel yang amat bermanfaat ini. Semoga ianya dapat diteruskan pada masa-masa hadapan.

Maka dengan lafaz Bismillahir Rahmannir Rahim saya dengan segala sukacitanya merasmikan Bengkel Penulisan Artikel ini dengan rasminya.

Sekian. Wassalamualakum warahmatullahi wabarakatuh.